

## **1095- KESAN PERNIKAHAN TANPA KEBENARAN TERHADAP ISTERI MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SELANGOR**

**FHIRHAD FUAD**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
[19bi01097@student.kuis.edu.my](mailto:19bi01097@student.kuis.edu.my)

**AZIZAH BINTI MOHD RAPINI**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
[azizah@kuis.edu.my](mailto:azizah@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Nikah tanpa kebenaran adalah pernikahan di dalam atau di luar negeri yang tidak mengikut prosedur pendaftaran perkahwinan seperti yang telah diperuntukkan dalam enakmen keluarga Islam negeri-negeri. Kajian ini bertujuan mengkaji isu dan kesan pernikahan tanpa kebenaran terhadap isteri menurut undang-undang keluarga Islam di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui metode dokumentasi dan temubual secara berstruktur. Dapatan menunjukkan pernikahan tanpa kebenaran berlaku disebabkan beberapa faktor antaranya adalah faktor poligami dan tiada keizinan wali. Kajian ini juga telah mengenal pasti kesan pernikahan tanpa kebenaran isteri iaitu kesukaran untuk membuat sebarang tuntutan di Mahkamah Syariah. Daripada dapatan kajian ini, disarankan pihak berkuasa seperti Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor mengambil langkah meningkatkan kesedaran masyarakat awam mengenai isu ini seperti usaha mengadakan forum atau program secara berkala seperti kursus perkahwinan kepada orang awam berkenaan kesan pernikahan tanpa kebenaran terhadap suami dan isteri.*

**Kata kunci:** undang-undang keluarga Islam, pernikahan tanpa kebenaran, hak isteri, Mahkamah Syariah Selangor

### **PENGENALAN**

Nikah tanpa kebenaran adalah pernikahan di dalam atau di luar negeri yang tidak mengikut prosedur perkahwinan seperti yang telah diperuntukkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri. Perkahwinan tanpa kebenaran tidak semestinya dijalankan di luar negara, contohnya di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia, akan tetapi ianya juga merangkumi pernikahan yang dijalankan dalam daerah tempat pihak-pihak bermastautin tanpa kebenaran pihak wali dan juga pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk seperti nikah sindiket. Prosedur untuk menjalankan pernikahan di Malaysia ataupun di luar negara telah diperuntukkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di setiap negeri. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 digunapakai di negeri Selangor bagi peruntukan undang-undang berkaitan dengan keluarga Islam. Terdapat beberapa faktor berlakunya pernikahan tanpa kebenaran di negeri Selangor antaranya adalah poligami dan

tidak mendapat izin wali. Kesannya, sesebuah pernikahan tanpa mengikut prosedur atau pendaftaran yang sah menurut undang-undang keluarga Islam di negara ini adalah tidak sah dan berisiko memberi implikasi negatif kepada ahli keluarga tersebut disebabkan kegagalan membuktikan surat nikah rasmi yang dikeluarkan di Malaysia walaupun pernikahan yang telah dijalankan itu sah mengikut hukum syarak.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan, kaedah dokumentasi dan kaedah temubual bagi tujuan pengumpulan data. Kajian ini memberi fokus kepada kajian dari aspek fenomena, peristiwa, atau individu. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap beberapa dokumen rasmi seperti dokumen laporan pendaftaran perkahwinan berlawanan enakmen yang telah direkodkan di Pejabat Nikah Cerai Dan Rujuk dari Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam negeri Selangor, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 Dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Kajian ini juga menjalankan temubual bersama Penolong Pengarah Kanan Bahagian Undang-Undang Keluarga di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor bertujuan menguatkan lagi data yang telah diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu dalam mengkaji serta menganalisis kesan kepada isteri berhubung perkahwinan tanpa kebenaran ini seterusnya mencari penyelesaian kepada masalah ini. Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa banyak implikasi yang akan berlaku kepada kedua-dua pihak yang menjalankan pernikahan sindiket sama ada semasa atau selepas perkahwinan itu berlaku. Kajian-kajian sebelum ini juga telah merumuskan bahawa pihak yang paling besar terkesan dalam pernikahan tanpa kebenaran ini adalah pihak wanita atau isteri itu sendiri.

Kajian Akmal dan Asmadi Abdullah (2008) menyatakan prosedur di bawah undang-undang keluarga Islam negeri Selangor memperuntukkan supaya pihak yang berkenaan dalam perkahwinan perlu memohon kebenaran untuk berkahwin daripada pendaftar kariah masjid masjid dimana wanita itu bermastautin. Manakala, jika lelaki itu bermastautin di negeri yang berasingan, permohonan yang dikemukakan perlulah mendapat pernyataan pendaftar kariah masjidnya atau oleh pihak berkuasa negeri tersebut. Adapun jika prosedur asas ini tidak diikuti, maka ia telah melanggar peruntukan undang-undang keluarga Islam. Kesannya, ia berisiko melucutkan hak isteri yang pada asalnya dia peroleh melalui sebuah pernikahan yang sah. Pihak isteri adalah yang paling terkesan sebelum anak-anak dalam isu perkahwinan tanpa kebenaran atau tidak berdaftar. Terdapat beberapa hak yang pada asalnya berhak diperoleh seperti mut'ah harta sepencarian, nafkah dan lain-lain. Namun, hak itu terlucut setelah gagal memenuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Muhammad Syukri et al. (2021) mendapati statistik pernikahan tanpa kebenaran di negeri Selangor amnya dan Hulu Langat khususnya berdasarkan statistik Mahkamah Syariah negeri Selangor menunjukkan peningkatan. Permohonan pendaftaran poligami tanpa kebenaran

mahkamah di negeri Selangor dari tahun 2015 hingga 2017 telah meningkat sebanyak 127 kes dari 157 kes pada tahun 2015 kepada 284 kes pada tahun 2017. Peningkatan terjadi sebanyak 127 kes dari tahun 2015 hingga 2017 dan penurunan empat kes pada tahun 2018. Ini menunjukkan pernikahan tanpa kebenaran secara amnya masih tinggi berbanding di negeri- negeri lain.

Muhammad Helmi et al. (2020) merumuskan undang-undang keluarga Islam di Malaysia tidak mengiktiraf perkahwinan yang melanggar prosedur seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang yang termaktub. Undang-undang keluarga Islam bagi setiap negeri tidak mempunyai peruntukan yang khusus dalam mentadbir dan mengawal perkahwinan merentasi sempadan. Segala perkahwinan yang melanggar kehendak undang-undang keluarga Islam negeri-negeri bagi memperoleh sebuah perkahwinan yang sah di sisi undang-undang. Enakmen undang-undang keluarga Islam telah menetapkan garis panduan bahawa sesebuah perkahwinan hanya boleh diijabkabulkan oleh individu tertentu seperti wali mujbir, di hadapan pendaftar melalui wakil daripada wali ijbar dengan keizinan pendaftar perkahwinan atau dengan wali hakim dengan memenuhi syarat tertentu.

Menurut Azlizamani Zubir et al. (2016) menyatakan bahawa sesebuah perkahwinan yang berlaku tanpa kebenaran atau merentas sempadan boleh menerima akibat sekiranya tidak berdaftar dengan mana-mana Pejabat Agama Islam Daerah di tempat pihak-pihak bermastautin. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 adalah undang-undang yang digunapakai dalam perihal pendaftaran perkahwinan di negeri Selangor. Implikasi dari pernikahan tanpa kebenaran adalah kehilangan hak dalam perkahwinan dan perkahwinan dianggap sebagai tidak wujud mengikut undang-undang di Malaysia. Pihak-pihak dari perkahwinan tidak berdaftar tersebut juga boleh didenda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali berdasarkan peruntukan seksyen 40 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003. Selain itu, tertakluk pada Akta Pencen 1980, seorang isteri dari perkahwinan jenis ini juga tidak layak menerima wang pencen suami.

Hasnizam Hashim et al. (2020) turut menyatakan pengesahan suatu pernikahan itu bukan hanya dituntut dari sudut syarak semata-mata, akan tetapi wajib dipastikan ianya sah menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Prosedur dan undang-undang ini adalah bertujuan untuk menjamin pasangan yang akan bernikah terhindar dari sebarang permasalahan yang akan timbul akibat daripada pernikahan yang tidak mengikut prosedur serta menghindari daripada hukuman-hukuman atas kesalahan tersebut.

Secara keseluruhannya, wanita atau isteri akan hilang hak mereka sebagai seorang isteri yang sah dari segi undang-undang jika mereka tidak mendaftarkan pernikahan tersebut di Malaysia. Isteri juga tidak boleh menuntut sebarang hak sebagai seorang isteri yang diceraikan seperti tuntutan hak mut'ah, tuntutan nafkah, harta sepencarian dan juga hak penjagaan anak seperti yang sepatutnya diperolehi oleh wanita-wanita yang berkahwin mengikut saluran undang-undang yang betul.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### Pernikahan Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor

Huda Razif (2021) menjelaskan istilah pernikahan tanpa kebenaran digunakan dengan istilah yang berbeza di setiap negeri. Sebagai contoh, di negeri Selangor menamakan kesalahan ini dengan menggunakan istilah pernikahan berlawanan enakmen. Pernikahan tanpa kebenaran yang berlaku di negeri Selangor di antara tahun 2015 hingga 2019 menunjukkan jumlah sebanyak 5877 permohonan pendaftaran pengesahan pernikahan di Negeri Selangor sekaligus mempunyai purata sebanyak 1175 kes yang dipohon setiap tahun. Kajian mendapati dalam jumlah tersebut pada tahun 2015 dan 2016 mencatatkan 1708 dan 1938 masing-masing bagi kes pernikahan rentas sempadan dan separuh daripada jumlah tersebut diterima oleh Konsulat.

Seterusnya, pada tahun 2020 hingga tahun 2021 pola pendaftaran pengesahan pernikahan menurun ekoran perintah kawalan pergerakan disebabkan Covid-19 yang melanda negara Malaysia. Berikut adalah jadual laporan pendaftaran perkahwinan berlawanan enakmen negeri Selangor bagi tahun 2018 hingga Ogos 2023.

Jadual 1: Pernikahan Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor

Bil.	Tahun	Jumlah
i.	Januari hingga Disember 2018	749
ii.	Januari hingga Disember 2019	592
iii.	Januari hingga Disember 2020	427
iv.	Januari hingga Disember 2021	343
v.	Januari hingga Disember 2022	491
vi.	Januari hingga Ogos 2023	303

Berdasarkan jadual berikut, berlaku penurunan pendaftaran perkahwinan berlawanan enakmen negeri Selangor antara tahun 2018 hingga 2023. Hal ini disebabkan oleh berlakunya wabak Covid-19 yang memberi kesan kepada penutupan Mahkamah Syariah dan pejabat agama Islam di setiap daerah. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang ingin memohon pengesahan pernikahan mereka tidak dapat diteruskan.

Kajian ini juga mendapati perkahwinan tanpa kebenaran berlaku di setiap daerah dalam negeri Selangor. Namun begitu, terdapat perbezaan jumlah yang ketara di antara beberapa daerah dalam negeri Selangor ekoran populasi penduduk yang ramai. Selain pola laporan pendaftaran perkahwinan berlawanan enakmen negeri ini membuktikan kewujudan berlakunya pernikahan tanpa kebenaran di Selangor, sekali gus membuktikan bahawa telah wujud kesedaran masyarakat dalam mendaftarkan perkahwinan mereka di Pejabat Agama Islam Daerah berdekatan. Ini menunjukkan petanda positif dalam aspek pendaftaran pernikahan di Selangor. Justeru, pihak-pihak yang telah mendapat pengesahan pendaftaran itu juga boleh menuntut hak mereka sepanjang tempoh perkahwinan jika terdapat apa-apa pertikaian dalam perihal perkahwinan di antara pihak-pihak (Temubual, 4 Oktober 2023).

### **Faktor Pernikahan Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor.**

Pernikahan tanpa kebenaran yang berlaku di negeri Selangor dapat disimpulkan kepada beberapa faktor utama antaranya adalah faktor poligami. Faktor poligami berlaku disebabkan oleh pihak-pihak yang ingin menjalankan pernikahan secara sembunyi-sembunyi tanpa pengetahuan ahli keluarga terutamanya isteri sedia ada. Ini disebabkan, kehendak undang-undang keluarga Islam yang terpakai di negeri Selangor adalah memerlukan keizinan mahkamah dan pengetahuan isteri sedia ada yang bertujuan bagi mengenal pasti sama ada pihak lelaki yang ingin berpoligami itu bersedia dan mampu dari segi kewangan dan seumpamanya. Alternatifnya, pihak lelaki mengajak pihak perempuan yang ingin dinikahnya itu menjalankan pernikahan di sempadan Thailand bagi mengelak daripada prosedur mahkamah yang rumit dan pengetahuan isteri sedia ada. Sempadan Thailand menjadi lokasi pilihan pihak-pihak yang ingin menjalankan pernikahan tanpa kebenaran kerana lokasinya yang dekat dengan negara Malaysia dan prosedurnya yang mudah berbanding prosedur di Malaysia yang memerlukan kepada kebenaran Mahkamah.

Selain itu, pernikahan tanpa kebenaran ini dipandang sebagai jalan mudah bagi pihak-pihak yang tidak mendapat keizinan wali untuk menjalankan pernikahan. Hal ini adalah disebabkan pihak-pihak beranggapan sesebuah pernikahan yang dijalankan melebihi dari dua marhalah adalah diharuskan dan sah untuk menjalankan pernikahan tanpa mendapatkan persetujuan daripada wali mujbir dengan menggunakan wali hakim di tempat mereka mengadakan pernikahan (Temubual, 4 Oktober 2023).

Antara kes yang berkaitan adalah kes Dalam kes *Muhammad Faizz Amin bin Roslee v Maidatul Sarah bt Mior Rosli [2013] 2 SHLR 98*, perkahwinan mereka dilangsungkan di Songkhla, Thailand oleh jurunikah bertauliah, yang juga bertindak sebagai wali hakim berdasarkan rekod yang ada dalam simpanan Mahkamah merupakan Naib Qadi Syarie bagi Wilayah Songkhla, Thailand. Jurunikah itu ialah Penolong Kadi Syarie dan telah diberi kuasa untuk bertindak sebagai wali hakim bagi daerah Songkhla. Pemohon dan responden telah bersetuju untuk perkahwinan dan dibawa ke Thailand untuk tujuan itu oleh seorang ejen iaitu Pak Wan. Isunya ialah sama ada perkahwinan itu dilangsungkan di Thailand adalah sah atau tidak mengikut undang-undang Islam. Pemohon tidak mempunyai isteri lain selain daripada responden dan ini bukanlah perkahwinan poligami. Pemohon dan responden mengupah ejen melalui internet untuk berkahwin di Thailand lantaran keluarga mereka tidak merestui perkahwinan itu kerana mereka berdua masih belajar. Perkahwinan tersebut diadakan di rumah jurunikah. Wali kepada perkahwinan itu ialah wali hakim berdasarkan rekod yang ada dalam simpanan Mahkamah dan merupakan Naib Qadi Syarie bagi Wilayah Songkhla, Thailand. Bapa responden berada di Kuala Lumpur ketika itu. Jurunikah mengeluarkan nota yang mengandungi bukti perkahwinan tersebut. Selepas akad nikah, Pak Wan membawa kedua-dua pihak ke pejabat Majlis Agama Islam Songkhla untuk mendapatkan surat akuan kesahihan perkahwinan mereka. Selepas itu, mereka pergi ke Konsulat Jeneral Malaysia yang mengeluarkan sijil pengesahan perkahwinan tersebut Selatan Thailand selepas mengesahkan sijil Majlis Agama Islam Songkhla. Berdasarkan keterangan pemohon dan responden serta dokumen yang dikemukakan, Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat perkahwinan antara kedua-dua pihak. Hal ini kerana, sesebuah perkahwinan itu hendaklah memenuhi lima syarat sah perkahwinan iaitu tawaran dan penerimaan, pengantin perempuan, pengantin lelaki, wali

atau wali dan dua orang saksi lelaki. Oleh yang demikian, Mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan antara pemohon dan responden telah memenuhi kesemua lima syarat tersebut.

Helmi Md Said et al (2020) menerangkan faktor undang-undang yang ketat telah menjadikan pihak-pihak mencari alternatif untuk menjalankan pernikahan di sempadan Thailand. Ini kerana pernikahan tanpa kebenaran ini mudah, cepat dan tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi di samping boleh menyembunyikan pernikahan yang diadakan. Undang-undang keluarga Islam yang ketat di Malaysia adalah suatu keperluan dan bertujuan memastikan pihak-pihak yang berkahwin memenuhi segala kehendak syarak. Perihal pendaftaran perkahwinan ini juga mampu memberi impak besar pada masa akan datang terutamanya kepada status kelahiran anak kepada pihak-pihak jika pasangan yang berkahwin tersebut mempunyai pertalian darah dan akan menimbulkan masalah pada kemudian hari.

Antara kes yang berkaitan adalah kes permohonan *Mohd Shah bin Md Akib dan Maikalsum bt. Abdul Latif* [Kes Mal bil: 01 003-010-3901/03]. Ini adalah pernikahan ketiga bagi Mohd Shah bin Md Akib yang telah mempunyai dua orang isteri sedia ada yang kedua-duanya warganegara Malaysia. Pasangan telah bernikah di Wilayah Narathiwat, Thailand dengan menggunakan wali hakim. Alasan yang diberikan oleh pihak lelaki yang mendorong pemohon bertekad untuk bernikah di Wilayah Narathiwat, Thailand ialah kerana terlalu banyak syarat-syarat yang harus dipatuhi untuk bernikah di Malaysia dengan warganegara asing ditambah lagi dengan prosedur Mahkamah yang perlu dipatuhi kerana pemohon berpoligami dan sukar mendapatkan izin dari pejabat tempat pemohon bertugas.

### **Kesan Pernikahan Tanpa Kebenaran Terhadap Isteri**

Menurut Shuraimi Abdullah et al. (2021) merumuskan permasalahan pernikahan tanpa kebenaran terhadap isteri berisiko memberi kesan negatif kepada pihak-pihak sama ada dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas tempoh perkahwinan. Antara kesan pernikahan tanpa kebenaran adalah isteri tidak boleh menuntut hak di Mahkamah seperti nafkah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 66 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 kerana Mahkamah Syariah di Malaysia tidak berbidang kuasa untuk mendengar sebarang tuntutan perkahwinan yang tidak didaftarkan di Malaysia. Kesannya, hak isteri boleh terabai sejak dalam tempoh perkahwinan lagi. Walaupun demikian, pihak isteri boleh menuntut nafkah daripada suami tersebut jika pihak isteri memohon pendaftaran nikah di Mahkamah Syariah dan disahkan oleh pejabat agama Islam daerah. Pihak isteri boleh memohon kepada Mahkamah dan menjadikan suami sebagai responden jika suami tidak memberikan kerjasama dalam proses memohon pengesahan pernikahan tersebut.

Sabree Nasri (2020) menjelaskan seorang isteri yang bercerai hasil dari pernikahan tanpa kebenaran tidak boleh menuntut mut'ah yang merupakan suatu pembayaran sugu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupa wang atau pun barang seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Sugu hati mut'ah ini dikira bayaran yang wajib apabila perceraian itu berlaku bukan disebabkan oleh kesalahan pihak bekas isteri. Namun begitu, pihak isteri dari pernikahan tanpa kebenaran ini tidak boleh menuntut

hak mut'ah memandangkan pernikahannya yang tidak didaftarkan di Malaysia sekali gus menyebabkan hak isteri dalam tuntutan mut'ah dinafikan.

Rabi'ah Serji (2021) mendapati pasangan dari pernikahan tanpa kebenaran ini juga tidak boleh menuntut harta hasil daripada perkahwinan tersebut yang dipanggil harta sepencarian mengikut seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Harta sepencarian adalah adalah harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami dan isteri, hasil daripada sumber-sumber mereka atau hasil daripada usaha mereka bersama. Namun demikian, pihak-pihak tidak boleh menuntut harta sepencarian dalam perkahwinan tanpa kebenaran selepas mereka bercerai kerana ketiadaan bukti kukuh yang menyatakan pernikahan pihak-pihak adalah sah di sisi undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Seterusnya, pernikahan tanpa kebenaran ini juga memberi kesan kepada hak hadhanah nafkah anak serta kesahataran anak hasil daripada pernikahan tersebut. Hak penjagaan anak atau hadanah akan kekal kepada pihak isteri dan warisnya. Namun ia menjadi permasalahan apabila pihak isteri tidak boleh menuntut apa-apa nafkah anak tersebut dan perlu menjaga dan membesarkan anak tersebut tanpa mendapat sokongan kewangan dari pihak bekas suami. Lantaran, anak yang lahir dari pernikahan tanpa kebenaran juga berisiko untuk tidak boleh dinasabkan kepada pihak suami dari pernikahan tersebut disebabkan pendaftaran sijil kelahiran anak yang lahir memerlukan dokumen sijil perakuan nikah yang sah dan diakui di Malaysia. Pihak-pihak yang menjalankan pernikahan tanpa kebenaran juga akan dikenakan penalti di bawah seksyen 40(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 yang memperuntukkan kesalahan pihak-pihak yang menjalankan pernikahan berlawanan dengan prosedur pendaftaran perkahwinan di negeri Selangor dan seksyen 126 enakmen yang sama yang memperuntukkan penalti bagi kesalahan tidak membuat laporan berkenaan dengan pernikahan yang telah dijalankan tanpa mengikut undang-undang yang telah ditetapkan (Temubual, 4 Oktober 2023).

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, banyak kesan pernikahan tanpa kebenaran menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kebanyakan pasangan memandang remeh kepada kesan yang akan mendepani mereka sama ada dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas penceraian. Isteri dalam perkahwinan tanpa kebenaran merupakan pihak yang paling banyak menerima kesan dari perkahwinan tersebut. Pihak isteri dinafikan haknya dalam menuntut sebarang manfaat daripada perkahwinan sebagaimana perkahwinan yang dijalankan menurut lunas undang-undang. Secara umumnya, hal ini boleh menyebabkan kehancuran rumah tangga tersebut dan memberi kesan mental terhadap isteri kerana tiada tempat bergantung jika si isteri diabaikan oleh pihak suami sama ada dari segi nafkah, mut'ah, harta sepencarian dan hadhanah. Hal ini mampu memburukkan institusi kekeluargaan di negara ini kerana mampu menyumbang kepada ketidakharmonian dalam pembinaan institusi kekeluargaan yang utuh di negara ini. Oleh hal yang demikian, bagi pasangan yang berniat atau telah menjalankan pernikahan tanpa kebenaran, dinasihati supaya mendaftarkan perkahwinan tersebut di Mahkamah Syariah berdekatan supaya hak-hak sebagai pihak-pihak dalam perkahwinan terjaga dan dapat mewujudkan perkahwinan yang harmoni dan mendapat rahmat Allah SWT.

## RUJUKAN

- Akmal Hidayah & Mohamad Asmadi. (2008). *Women's Rights to Succession in Unregistered Marriages: A Reference to The Instrument of Wasiyyah*. 16 *IUMLJ* 125. 127-139.
- Azlizamani Zubir, Najib Ahmad Marzuki & Md Zawawi Abu Bakar. (2016). *Factors and Implications of Cross-Border Marriage Among Malaysian Citizens*. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*. Vol 5. Issue 10. 13-17.
- Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor, Nabila Yusof. (2020). Isu-Isu Berkaitan Pernikahan Yang Menyalahi Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia dan Kaedah Penyelesaiannya. *The 3rd International Conference of The Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020)*. 200-209.
- Helmi Md Said, Noraini Md Hashim, Nora Abdul Hak, Roslina Che Soh, Fauziah Hani Ahmad Fuzi & Khairul Shuhadah Yaakob. (2020). Kajian Sosioperundangan Perkahwinan Merentasi Sempadan Di Nusantara. *Journal of Nusantara Studies*. 2020. Vol 5. 129-151.
- Mohd Sabree Nasri, Mohd Shauqi Saiful Suhardi & Mohamad Afandi Md Ismail. (2020). Hak Isteri Selepas Perceraian Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Faktor Penghalang Memperolehinya. *Journal of Law & Governance* Vol 3. No. 1. 43-58.
- Muhammad Syukri Albani, Hasbullah Dja'far & Muhammad Syazwan Basri. (2021). Islam Negeri Selangor Tahun 2003 Mengenai Pendaftaran Poligami di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat Selangor. *Intiqad: Jurnal Agama dan Pendidikan Islam* Jil 13. No 2. 247-269.
- Nurul Huda Mohd Razif. (2021). *Nikah Express: Malay Polygyny And Marriage-Making At The Malaysia-Thai Border*. *Asian Studies Review* 45(4). 635-655.
- Rabi'ah Muhammad Serji. (2021). Harta Sepencarian: Isu dan Konflik Perundangan dalam Tuntutan Selepas Kematian dari Perspektif Undang-Undang Tanah di Malaysia. *The International Journal of Islamic Studies*. *Islāmiyyāt* Vol 43. 43-53
- Shuraimi Abdullah, Noor Salwani Husin & Abdul Jalil Ramli. (2021). Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Memberi Kesan Kepada Pasangan dan Institusi Kekeluargaan. *The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI) 2021* di Universiti Malaysia Perlis.
- Temubual Bersama Puan Siti Khadijah Binti Abdul Wahid. Penolong Pengarah Kanan Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam Jabatan Agama Islam Selangor pada 4 Oktober 2023. Jam 3 Petang.